

Muka 21

GURU PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN

■ Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Selasa, 23 September. - Pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam bertitah bahawa guru adalah nadi utama dalam menjayakan transformasi pendidikan.

Sesuai dengan tema tahun ini iaitu 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, ianya bukan sahaja mencerminkan peranan penting guru sebagai pemacu kepada transformasi ke arah masa depan yang lestari dan berdaya tahan, guru juga

berperanan sebagai agen perubahan bagi memupuk dan mencetuskan pertumbuhan dan perkembangan inovasi dalam kurikulum pendidikan.

Dalam titah, baginda mengambil maklum bahawa dengan kepesatan teknologi digital, semakin banyak sumber-sumber rujukan dan juga alat-alat bantu belajar yang tersedia, termasuk penggunaan teknologi terutama teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) semakin memudahkan tugas.

"Generasi masa kini semakin banyak bergantung kepada AI dalam membantu penyelesaian tugas mereka. Oleh itu, beta menyeru para guru supaya tidak boleh ketinggalan dalam memanfaatkan kelebihan AI," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama perlu menyediakan peluang pembangunan kapasiti kepada guru supaya tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa.

Pada akhir titah, baginda dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Guru kepada seluruh warga guru di negara ini dan mendoakan semoga segala sumbangan para guru dalam mendidik anak bangsa akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Baginda juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Guru dan berharap semoga penganugerahan ini akan menjadi motivasi untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan negara demi masa depan anak bangsa kita.

Manfaatkan AI secara beretika dalam pembelajaran, pengajaran

>> Muka 1

Menyedari akan impak negatif perkara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan yang telah menghasilkan sebuah buku Panduan AI Dalam Pendidikan sebagai langkah awal ke arah menyediakan kerangka kebangsaan AI dalam pendidikan.

Sehubungan itu, baginda sukacita memperkenalkan pelancaran buku 'GenAI Guidance for Education' dan berharap buku panduan ini akan

dapat memastikan para pelajar dan guru memanfaatkan AI dalam pembelajaran dan pengajaran secara beretika, berhemah, bertanggungjawab dan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Dasar-dasar pendidikan juga titah baginda, perlu sentiasa dikemas kini seiring dengan perkembangan semasa agar sistem pendidikan negara kekal relevan.

"Maka ke arah ini, beta sukacita memperkenalkan 'Pengemaskinian Klausa dan Terma Rujukan Akta Pendidikan Brunei (Bab 56), yang memberi kuasa kepada Lembaga Peperiksaan Negara Brunei Darussalam untuk

menganugerahkan kelayakan dan pensijilan bagi mata pelajaran tempatan di peringkat Menengah Atas dan Pra-Universiti," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pengemaskinian ini titah baginda lagi, akan memperkukuhkan lagi kedudukan dan kredibiliti Lembaga Peperiksaan NBD, sekali gus memastikan kelayakan yang dianugerahkan akan terus mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Kebawah DYMM bertitah, kerajaan baginda juga turut menitikberatkan usaha untuk memperluaskan peluang pembelajaran di semua Institusi

Pengajian Tinggi, termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan mempelbagaikan lagi program pengajian selaras dengan keperluan semasa.

Sehubungan itu, baginda sukacita memperkenalkan 'Garis Panduan bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk Menawarkan Program Hasil Sendiri dan Menganugerahkan Kelulusan - Kelulusan dalam Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)'.

Dengan adanya garis panduan ini, kualiti program-program yang ditawarkan akan lebih relevan dengan keperluan negara, seterusnya meningkatkan kredibiliti IPTS.

"Pada hemat beta, kejayaan di

peringkat pengajian tinggi ini akan banyak bergantung kepada kualiti pendidikan asas yang diterima di peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak lagi.

Oleh itu, beta merasakan adalah sesuai bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pihak - pihak berkepentingan, untuk melakar sebuah Kerangka Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan yang Komprehensif," titah baginda.

Ini bagi memastikan setiap kanak-kanak di negara ini menerima asas pendidikan yang holistik, inklusif dan berkualiti tinggi sejak peringkat awal lagi dengan mengambil kira juga kepentingan pendidikan agama.



WAKTU SEMBAHYANG

SEPTEMBER	HARI	RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	RABU	2	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.16	7.24
25	KHAMIS	3	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	JUMAAT	4	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
27	SABTU	5	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
28	AHAD	6	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
29	ISNIN	7	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	SELASA	8	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 24 SEPTEMBER 2025

Sokongan aktif bantu penghidap Demensia

MENURUT kajian Global Burden of Disease Study 2019, terdapat kira-kira 1,574 pesakit Demensia di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 2019 dan jumlah berkenaan dianggarkan akan meningkat kepada 7,317 kes menjelang 2050.

Perkara ini dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar baru-baru ini dalam perutusan sempena Sambutan Hari Demensia atau Alzheimer's Sedunia yang diraikan pada 21 September 2025 dengan tema 'Tanya Mengenai Demensia, Tanya Mengenai Alzheimer's' (Ask about Dementia, Ask about Alzheimer's).

Jelas Yang Berhormat peningkatan berkenaan bukan sahaja bermaksud lebih ramai individu yang akan menghidap Demensia tetapi bilangan penjaga juga akan terus meningkat. Dengan perubahan demografik jumlah penduduk NBD yang semakin menua, lebih ramai keluarga akan mengalami cabaran untuk menjaga pesakit Demensia.

Demensia bukan hanya sekadar masalah kesihatan, ia adalah satu perjalanan kehidupan yang penuh cabaran dan pengorbanan. Demensia melibatkan bukan sahaja individu yang mengalaminya tetapi juga ibu bapa, adik-beradik, ahli keluarga, sahabat handai, jiran dan rakan sekerja.

Menurut Yang Berhormat, pada masa ini belum terdapat ubat untuk Demensia, hanya pilihan rawatan simptomatik dan rawatan pengubahsuaian penyakit. Justeru itu, penjagaan yang berterusan, pembarigaan maklumat serta nasihat yang tepat, sokongan moral dan program pemulihan yang dapat membantu mengoptimalkan fungsi adalah sangat penting.

Orang sekeliling terutama keluarga merupakan insan yang paling penting dalam merawat Demensia melalui galakan agar mereka sentiasa aktif dalam kehidupan seharian, tidak membiarkan mereka bersendirian di samping sokongan daripada masyarakat agar mereka hidup lebih bermakna.

Jika ahli keluarga kita didapati mempunyai Demensia, seharusnya pesakit dibawa mendapatkan bantuan rawatan lebih awal agar ia dapat ditangani. Hal ini kerana penghidap Demensia masih boleh menjalani kehidupan yang positif dengan bantuan dan sokongan apabila menghadapi kesukaran dan harus diberikan perhatian yang sewajarnya.

Dalam membantu para pesakit Demensia ini, masyarakat hendaklah mengubah tanggapan mereka bahawa para pesakit Demensia hanya 'penuaan biasa'. Walhal para pesakit ini perlu dijaga dengan bermaruah dan dihormati. Dengan mengubah cara berfikir dan berkomunikasi, kita akan mengubah cara melayan dan menyokong mereka yang mengalaminya.

Oleh itu, kita boleh mewujudkan masyarakat yang mesra Demensia, sebuah persekitaran yang prihatin dan penuh kasih sayang terhadap mereka yang mengalami Demensia serta mengenal pasti individu yang memerlukan bantuan. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-35



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 23 September. - Setiap 23 September, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut Sambutan Hari Guru sebagai memperingati dan menghargai sumbangan jasa para pendidik di negara ini.

Sambutan berkenaan juga adalah sebagai usaha untuk memartabatkan profesion perguruan yang banyak menyumbang kepada pembangunan kapasiti tenaga manusia negara.

Pada tahun ini, tema Sambutan Hari Guru ialah 'Guru Pemangkin

Pendidikan Lestari dan Inovasi'. Tahun ini juga, tema sambutan ditambah dengan subtema yang memfokuskan kepada 'Memperkasa Pendidik Menginspirasi Masa Depan Hijau'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 yang



diadakan pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Bersama Majlis serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-35,

Tahun 2025.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah khusus buat ayahanda Kebawah DYMM, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah dan diikuti dengan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Baqarah, ayat 269; Surah Al-Mujadalah, ayat 11; Surah Al-A'raf, ayat 31; dan Surah Al-Ruum, ayat 41 hingga 42 oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Arab Sultan Haji

Hassanal Bolkiah, Awang Haji Md. Zul-Hafiz bin Haji Tengah; manakala inti sari ayat disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Fuad bin Matahir.

Seterusnya sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan dan kemudian diikuti dengan titah Kebawah DYMM.

>> Muka 4



DOA Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



SEKITAR Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan di dewan tersebut (atas, atas kiri dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) kepada Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan seterusnya mengurniakan Anugerah Guru Berjasa kepada Dato Paduka Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 3

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan tayangan klip video Hari Guru menampilkan komitmen, dedikasi dan kasih sayang para guru dalam membimbing pelajar. Meskipun berdepan pelbagai cabaran, sokongan serta bimbingan para guru terus menjadi sumber kekuatan sehingga membolehkan para pelajar berjaya menamatkan perjalanan pendidikan mereka,

sejajar dengan aspirasi negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan utama, iaitu nyanyian kompilasi lagu-lagu medley bertajuk 'Guru Oh Guru', 'Jasamu Guru' dan 'Terima Kasih Cikgu', diikuti dengan Lagu Hari Guru Ke-35 yang bertajuk 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.

Persembahan berkenaan merupakan gabungan seramai 32

pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Rendah Beribi Telanai dan Seri Mulia Sarjana School.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 kepada para penerima yang terdiri daripada seorang penerima Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) yang dianugerahkan kepada Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin

Haji Ismail; sementara empat penerima Anugerah Guru Berjasa dianugerahkan kepada Dato Paduka Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop, Dato Paduka Dr. Haji Omar bin Haji Khalid dan Dayang Hajah Mas Tuyah binti Abd. Ghani.

Kebawah DYMM juga berkenan menyempurnakan pengurniaan kepada sembilan penerima Anugerah Guru Cemerlang, dan 30 penerima

Anugerah Penghargaan Hari Guru (Special Mention).

Sejurus selesai, Kebawah DYMM serta kerabat diraja dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Guru Berjasa kepada Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 kepada para penerima.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para penerima anugerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025.

>> Muka 4

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung menyempurnakan

pelancaran buku panduan bertajuk 'GenAI Guidance for Education' dan seterusnya berkenan menyaksikan pameran

sempena Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 di ruang legar. Sebelum berangkat

meninggalkan majlis, Kebawah DYMM juga berkenan menerima junjung ziarah daripada guru-guru, pelajar-pelajar, siswa

dan siswi daripada pelbagai peringkat pendidikan dan institusi serta peserta - peserta persembahan.

MEMPERKUKUH USAHA KE ARAH MENERAPKAN NILAI LESTARI, AMALAN HIJAU PENDIDIKAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 23 September. - Sambutan Hari Guru Ke-35 pada tahun ini membawa tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.

Tema ini menggambarkan peranan penting guru sebagai penyampai ilmu dan sebagai 'role model' serta agen transformasi dalam memacu pendidikan kelestarian negara bagi menyemai budaya inovasi secara menyeluruh dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah melalui ekosistem pendidikan yang lebih meluas.

Perkara berkenaan disembahkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dalam sembah alu-aluan Yang Berhormat lagi, pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan pelajar - pelajar menjadi warga digital yang bertanggungjawab dan beretika, semasa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD di United Kingdom dan Ireland Tahun 2024, dan seiring dengan

tema Sambutan Hari Guru tahun ini, Kementerian Pendidikan telah menghasilkan sebuah Buku Panduan Generative AI untuk pendidikan bagi memastikan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) lebih beretika, bertanggungjawab serta memberi manfaat kepada semua peringkat tenaga pengajar dan pelajar.

Sejajar dengan inisiatif pendidikan kelestarian sembah Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Pelan Pendidikan Hijau (2025 hingga 2035) semasa Majlis Perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri - menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53, Tahun 2025 yang telah di pengerusikan oleh NBD.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan bahawa pelan ini bertujuan untuk memperkukuh usaha kementerian ke arah menerapkan nilai-nilai lestari dan amalan hijau dalam sektor pendidikan di samping menjadi panduan strategik dalam pengemaskinian kurikulum dan pelaksanaan kokurikulum di semua peringkat pendidikan.

"Usaha ini selaras dengan aspirasi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) dan mendukung Matlamat Pembangunan Mampan Global (SDG).

"Selain itu, di bawah inisiatif Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan, sebagai permulaan 17 buah bilik darjah pintar (Smart Classroom) telah disediakan. Dua di antaranya telah dilengkapi dengan teknologi digital berasaskan tenaga suria

yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan efisien melalui penggunaan teknologi, berkonsepkan 'bilik darjah pintar hijau'," sembah Yang Berhormat.

Di peringkat pengajian tinggi pula sembah Yang Berhormat lagi, Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah memasang sebanyak 236 panel solar dengan kapasiti 120kW sementara di Kampus Lumut Politeknik Brunei kini dalam proses meningkatkan kapasiti panel solar daripada 20kW kepada 120kW.

Sembah Yang Berhormat lagi, pemilihan tema Hari Guru tahun ini sangat bertepatan kerana Program Penilaian Pelajar Antarabangsa atau Programme for International Student Assessment (PISA) 2025 turut merangkumi aspek alam sekitar dan pembelajaran digital.

"Bagi memastikan inovasi dalam pembangunan sahsiah pelajar, Kementerian Pendidikan telah mengemas kini sebuah Buku Panduan Kokurikulum bagi memastikan Program Sahsiah Pelajar dilaksanakan secara berstruktur dan bersistematik.

"Program Sahsiah Pelajar merangkumi empat komponen : fizikal, kerohanian, kreativiti dan perkhidmatan yang perlu disertai oleh setiap pelajar bagi pembinaan akhlak, nilai murni dan jati diri yang kukuh.

"Alhamdulillah, Program Pengukuhan komponen amali dalam mata pelajaran pendidikan Islam, khususnya ibadah solat turut dilaksanakan melalui Program Bimbingan Solat dan Program Bilal dan Imam Cilik.

"Selain itu, Buku Kurikulum Pendidikan Khas Ugama juga telah dihasilkan untuk kegunaan pelajar Berkeperluan Khas," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya juga mengongsikan dalam apa jua usaha dan inisiatif yang dirancang, guru tetap menjadi tonggak utama di barisan hadapan pelaksanaan. Justeru, perhatian khusus diberikan kepada para guru melalui latihan dan pembangunan profesional, bagi memastikan kompetensi dan kemahiran inovatif mereka selaras dengan perubahan dalam landskap pendidikan.

Kementerian Pendidikan sembah Yang Berhormat telah menghasilkan 'Buku Garis Panduan Pelan Perkembangan dan Laluan Kerjaya Pendidik' yang bertujuan untuk mensejajarkan pelaksanaan program-program perkembangan kapasiti guru dengan Laluan Kerjaya Guru, Pengurusan Bakat dan Perancangan Penggantian.

"Berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan guru pula, di kesempatan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, mewakili seluruh warga guru menjunjung kasih atas keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik memperkenankan pemberian Cuti Ihsan semasa sesi penggal persekolahan.

"Alhamdulillah, pemberian Cuti Ihsan telah mula dilaksanakan pada 1 Januari 2025 dan setentunya ini adalah satu penghargaan yang amat bermakna atas pengorbanan para guru.

"Bagi kepentingan penjagaan kesejahteraan mental, Kementerian Pendidikan sedang giat melaksanakan usaha-usaha membendung gejala buli dalam sektor pendidikan khususnya di sekolah.

"Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan adalah dalam proses membentuk kerangka 'Education Policy Framework for Whole



YANG Berhormat Menteri Pendidikan dalam sembah alu-aluannya.

Education Approach to Prevent and Address Bullying'. Selain itu, bermula Januari 2025, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), Universiti Brunei Darussalam telah memperkenalkan Program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling yang memberikan peluang kepada guru meningkatkan kemahiran dan melahirkan kaunselor profesional," sembah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu dalam sembah alu-aluan Yang Berhormat menyebarkan bahawa keberangkatan Kebawah DYMM ke Majlis Sambutan Hari Guru NBD Ke-35, Tahun 2025 amat besar maknanya dan mempamerkan keprihatinan yang mendalam baginda terhadap kebajikan serta kesejahteraan para guru. Ia juga menjadi sumber inspirasi dan penyuntik semangat untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dan iltizam bagi menghasilkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran dan berakhlak mulia serta mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

PAMERAN KETENGAHKAN KEMAMPAHAN PENDIDIKAN SEMUA PERINGKAT



BERAKAS, Selasa, 23 September. – Pameran Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas menentangakan tema 'Pengajaran Masa Hadapan:

Kemampuan Pendidikan'. Konsep pameran memfokuskan kepada Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (Education for Sustainable Development - ESD) dan Pelan Pendidikan Hijau (Green Education Plan) yang melibatkan

pelajar-pelajar dari sekolah rendah, menengah, institusi vokasional dan teknikal serta pengajian tinggi. Melalui pameran tersebut, sekolah - sekolah dan institusi - institusi pendidikan yang ikut serta berpeluang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan pelancaran buku GenAI Guidance for Education. Turut berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (kiri dan atas).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mempamerkan acara-acara dan projek-projek yang telah, sedang dan akan dianjurkan berhubung dengan kemampuan pendidikan contohnya bengkel pembangunan profesional mengenai kelestarian, inisiatif hijau, dan masa depan pendidikan berteraskan alam sekitar.

Pada pameran tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan buku GenAI Guidance for Education.

Buku panduan tersebut menerangkan bagaimana Kecerdasan Buatan (AI) dapat memperkukuh pengajaran, pembelajaran, dan pentadbiran pendidikan, dengan berlandaskan nilai serta jati diri negara, di mana etika sentiasa menjadi asas yang tidak boleh diketepikan.

Panduan ini dibangunkan berdasarkan pandangan para pendidik tempatan, selari dengan strategi nasional, serta dipandu oleh amalan terbaik di peringkat global. Ia turut menyediakan alat dan contoh praktikal yang boleh terus digunakan oleh institusi pendidikan.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Pameran Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan seterusnya berkenan beramah mesra (atas, kanan, bawah kanan dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan daripada para peserta pameran pada majlis tersebut (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 6

Selain itu, buku panduan ini juga bertujuan memastikan pendidikan kekal bersedia menghadapi masa depan dengan cara yang beretika, berdaya tahan, dan berpaksikan identiti Negara Brunei Darussalam.

Matlamat bersama adalah membina satu sistem pendidikan yang bersedia untuk masa depan, menggunakan AI dengan yakin dan beretika - melindungi identiti Brunei, memperkasakan pendidik, serta membantu pelajar untuk belajar dengan lebih baik.

Sementara itu, pada ruang *centerpiece* pameran menentang pameran Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Manakala di ruangan lain pameran memaparkan pelbagai peranan penting, bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi dalam melaksanakan inisiatif ke arah Kemampanan Pendidikan bagi mendukung Education for Sustainable Development (ESD) dan Pelan Pendidikan Hijau, Kementerian Pendidikan.

Antaranya pameran bertajuk 'Pembelajaran Berfokus Masa Depan untuk Keseimbangan: Memupuk Tabiat Sihat, Inovasi

dan Sekuriti Makanan' dari Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar Sungai Kebun yang menentang proses pembinaan kit hidroponik, pemasangan sistem hidroponik dan penerangan mengenai aktiviti 1V1F.

Sementara, Sekolah Menengah Masin dalam tajuk pameran 'C.E.R.I.A & Pembelajaran Bermakna: Pelajar Memimpin Pembelajaran Masa Hadapan' menentang sebuah program pembangunan pelajar yang dinamik, bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran kepimpinan dan kolaborasi pelajar sambil memupuk kesedaran alam sekitar melalui aplikasi secara langsung dalam kehidupan seharian.

Juga turut dipersembahkan ialah Year 10 Student Learning Showcase yang merupakan satu platform untuk pelajar mempamerkan hasil pembelajaran mereka yang berasaskan pengalaman sebenar, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL), dan aktiviti kolaboratif merentas subjek.

Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB) pula membarigakan mengenai penyatupaduan transformasi digital dalam pendidikan di PTE Belait, termasuk penggunaan Bring Your Own Device (BYOD) dan teknologi SMART Classroom untuk menyokong pembelajaran interaktif.

Ia juga mempamerkan

penggunaan platform digital yang mampan dalam pengajaran dan pembelajaran, Rangka Kerja Pembangunan Profesional Berstruktur PTEB yang diselaraskan dengan pedagogi digital, karya seni pelajar kreatif daripada Pertandingan Seni Mesra Alam, dan video yang memaparkan suara pelajar mengenai harapan mereka untuk masa depan pendidikan.

Pada pameran Transformasi Pendidikan Digital di Sekolah Arab Belait pula mempamerkan mengenai Platform Digital Pendidikan Bawwabah; Aplikasi Kamus Ar-Raqmi; dan Aplikasi Yaumi.

Dalam kumpulan Pengajian Tinggi, IBTE turut memperkenalkan pameran Robotic Arm melalui Cobot Systems Integration menggunakan Doosan Collaborative Robot (Cobot) M0609.

Robot ini merupakan teknologi automasi moden yang digunakan dan melatih pelajar ke arah kemahiran masa depan dalam bidang kejuruteraan elektronik, automasi, dan industri pintar.

Pameran ini bukan sahaja mempamerkan inovasi teknologi robotik, tetapi juga menjadi platform untuk memupuk minat pelajar terhadap pendidikan TVET hijau, selaras dengan aspirasi negara menuju tenaga kerja berkemahiran tinggi,

berdaya saing, dan lestari.

Politeknik Brunei pula dalam 'Projek : Menjana Pendidikan Lestari untuk Masa Depan' menggariskan kurikulum lestari yang memaparkan projek pelajar seni bina untuk mereka bentuk bangunan di lokasi yang strategik dengan penuh tanggungjawab terhadap alam sekitar, budaya dan sosial.

Bertumpu kepada tiga lokasi utama di Kuala Belait - Pantai Ku Ceria, Pasar Lama, dan Kawasan Komersial Waterfront - pelajar menghasilkan penyelesaian inovatif yang peka terhadap konteks setempat, mengimbangi pemeliharaan warisan dengan kelestarian masa depan.

Terakhir ialah Kumpulan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

yang menentang publikasi terbitan bersama BDCB dan Kementerian Pendidikan bertajuk 'Centsibly: Smart Money Habits between BDCB and MOE'.

Buku ini merupakan sumber pendidikan untuk penyedia pendidikan kewangan untuk menyokong celik kewangan, merangkumi topik pengurusan kewangan yang komprehensif, seperti simpanan, pengurusan hutang, pelaburan, pembayaran digital, perlindungan pengguna kewangan dan perancangan kewangan yang mampan.

Selain itu, BDCB akan mempamerkan dan mempromosikan 'Usinwise' - jenama celik kewangan negara - satu inisiatif di bawah National Financial Literacy Council.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berinteraksi dan beramah mesra bersama para pelajar pada majlis berkenaan (atas, kiri dan bawah).



DPMM FC TERLEPAS 3 MATA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Isnin, 22 September. - DPMM FC gagal meraih 3 mata penuh apabila tumpas 0 - 4 menentang Kuala Lumpur City FC pada saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung malam tadi, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan

perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Babak pertama dimulakan dengan DPMM FC bijak mengatur serangan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026.

Pasukan tuan rumah nyaris mendahului pada minit kedua tetapi rembatan Jordan Murray berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang Kuala Lumpur City FC, Quincy Kammeraad.

Kuala Lumpur City FC pula tidak ketinggalan mendapat peluang keemasan, namun percubaan Safawi Rasid diselamatkan dengan baik oleh penjaga gawang kebangsaan, Haimie Nyaring pada minit ke-10.

Selang empat minit kemudian, pasukan tuan rumah sekali lagi mendapat peluang keemasan apabila umpanan tepat daripada Azwan Ali Rahman menemui Ramadhan Sananta akan tetapi rembatannya meleset daripada sasaran.

Ramadhan Sananta terus mengancam dan hampir menjaringkan gol pada minit ke-20, malangnya, rembatannya berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang.

Bola yang melantun berkenaan jatuh ke Azwan Ali Rahman tetapi cubaannya menyambut rebound tersebut meleset tinggi di atas gawang.

Nasib malang pula menimpa DPMM FC apabila Yura Indera, melakukan hantaran balik kepada penjaga gawang yang sedikit

tinggi, menyebabkan bola masuk ke dalam gawang sendiri pada minit ke-26.

Pada separuh masa kedua, pasukan pelawat mula menguasai permainan dan hampir menjaringkan gol pada minit ke-48, namun percubaan dari jarak dekat oleh Victor Ruiz melayang tinggi di atas palang gol.

Victor Ruiz kemudian membuktikan kepintarannya dengan melakukan gerakan solo dari tengah, menembusi benteng pertahanan DPMM FC, sebelum melengkapkan aksinya dengan tendangan perlahan yang menemui sudut kiri gawang pada minit ke-56.

Kuala Lumpur City FC meneruskan dominasi dengan menjaringkan gol ketiga pada minit ke-64.

Safawi Rasid melengkapkan hantaran tepat daripada ketua pasukan, Zhafril Yahya, dengan sepakan tajam dari dalam kotak penalti yang tidak dapat ditahan penjaga gawang pasukan tuan rumah.

Safawi Rasid menggandakan jaringan peribadi sekali gus mengunci kemenangan pasukan

pelawat pada minit ke-84.

Bermula daripada umpanan pintar Victor Ruiz, beliau tidak menesia-siakan peluang dan meledak sepakan kaki kanan yang gagal dibendung penjaga gawang.

Keputusan perlawanan kekal 0 - 4 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Pengurus Pasukan DPMM FC, Jamie McAllister, meluahkan kekecewaannya atas kekalahan tersebut dalam Sidang Media yang berlangsung selepas perlawanan.

"Kami bermain dengan baik pada separuh masa pertama dan mengawal permainan tetapi kami membenarkan gol yang mudah disebabkan kesilapan kami sendiri. Kita perlu menghentikan kesilapan seperti ini," tambahnya.

Apabila ditanya mengenai pemain utama, Miguel Oliveira yang hanya bermain pada hujung perlawanan, beliau menjelaskan bahawa pemain tersebut mengalami kecederaan ringan di bahagian pangkal paha (*groin*).

"Beliau hanya mampu bermain selama 20 hingga 30 minit," jelasnya lagi.



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan berkenaan. Manakala gambar kanan, antara yang hadir menyaksikan perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



NBD berada dalam Monsun Barat Daya

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada di dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga hujung bulan September.

Pada pukul 11.00 pagi waktu tempatan hari ini, Isnin (22 September 2025), Taufan Ragasa dikesan di koordinat 19.4 darjah utara, 122.0 darjah timur, sekitar 1,790 km jauh dari NBD. Taufan Ragasa diramalkan akan bergerak ke arah Barat.

Taufan Ragasa dijangka secara tidak langsung mempengaruhi keadaan cuaca NBD. Keadaan cuaca aktif diramalkan akan bermula esok, Selasa (23 September 2025) sehingga Jumaat (26 September 2025).

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir berserta angin kencang dijangka akan menjejaskan kebanyakan kawasan negara dengan kelajuan angin sehingga

55kmsj semasa atau dekat hujan lebat.

Manakala di perairan NBD, keadaan laut pada amnya di paras sedikit ke sederhana dengan ketinggian ombak di antara 0.6 hingga 1.2 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko berlakunya kejadian pokok tumbang dan atap terbang semasa hujan lebat dan berangin kencang.

Risiko banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai juga boleh berlaku semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan

Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram dan WhatsApp Brunei Weather.



Jangan Memandu Dibawah Pengaruh



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



Always Wear a seatbelt



No mobile phones while driving



Speeding is dangerous



Do not drive under influence



Wear helmet and proper attire while riding



Always watch out for other road users



Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

PENUTUPAN BILIK RAMBUT MULIA RASULULLAH DISERIKAN DENGAN ALUNAN SELAWAT

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku jemputan khas majlis tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Pembangunan (kiri). Sementara gambar kiri sekali, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

institusi-institusi pengajian tinggi, masjid-masjid dan syarikat-syarikat swasta.

Tempahan bagi sesi berselawat di dalam bilik tersebut telah dibukakan secara dalam talian dan mencatatkan seramai 744 peserta telah hadir untuk menyertai dalam menyemarakkan dan membesarkan bulan kelahiran Junjungan Besar kita dengan pelbagai jenis dikir dan bentuk selawat termasuk Dikir Syarafil Anam, Selawat Ibrahimiyah, Selawat Tafrijiyyah, Selawat Munjiyat, Selawat Fatih, Selawat Syifa, Selawat Nur, Selawat Badariyah, Maulid Diba'ie, dan lain lagi.

Selain itu, acara dan aktiviti berselawat juga diadakan pada setiap Ahad sepanjang bulan Rabiulawal oleh badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan yang berdaftar dan kumpulan-kumpulan zikir dengan kerjasama BKISHHB yang juga dibukakan kepada orang ramai.

Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seterusnya akan dibukakan lagi pada tahun hadapan, dalam bulan Januari 2026 selama tiga hari sempena memperingati peristiwa Isra'k dan Mikraj.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. – Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB) petang tadi mengadakan Majlis Berselawat bagi menandakan penutupan Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dibuka sepanjang bulan Rabiulawal 1447 Hijrah bermula dari 1 Rabiulawal 1447H bersamaan 25 Ogos 2025 Masihi hingga 29 Rabiulawal 1447H bersamaan 22 September 2025M.

Hadir selaku jemputan khas ke majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin

Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Turut hadir, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.

Kehadiran para jemputan khas dialu-alukan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, Selawat Badriyah, Selawat Ibrahimiyah, diikuti dengan bacaan Dikir Syarafil Anam beramai-ramai dipimpin oleh

para pegawai dan kakitangan BKISHHB.

Majlis disudahi dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), BKISHHB, Awang Muhammad Nazrul Helmi bin Muhammad Said Nazmi.

Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dibuka untuk kunjungan orang ramai selama sebulan sepanjang Rabiulawal bagi memperingati bulan kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam masa yang sama bertujuan untuk membesarkan dan memuliakan lagi bulan tersebut.

Lebih daripada 3,706

pengunjung telah direkodkan datang melawat untuk menyaksikan sendiri dan mengambil peluang untuk berada dan berselawat dekat dengan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Galeri 3 sepanjang tempoh sebulan pembukaan bilik tersebut.

Selain itu, BKISHHB juga giat mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan sepanjang bulan Rabiulawal termasuk menawarkan empat sesi berselawat di dalam Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap hari bekerja, Isnin hingga Khamis dan Sabtu kepada kumpulan - kumpulan dan persatuan-persatuan zikir dari kementerian - kementerian, jabatan - jabatan kerajaan,

Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi Ke-95 berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Selasa, 23 September. - Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi mengadakan Majlis Resepsi Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi Ke-95 berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, di

sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri, Datin Fadzlina binti Haji Hashim.

Ketibaan tetamu kehormat dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Acara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan bacaan

ayat suci Al-Quran dan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Awang Muhammad Ali dari Sekolah Arab Rimba.

Majlis kemudian diserikan dengan tayangan video mengenai Kerajaan Arab Saudi.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat menerima cenderamata daripada TYT Duta

Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD.

NBD dan Arab Saudi mempunyai bukan sahaja hubungan persahabatan yang erat tetapi juga hubungan persaudaraan serta kerjasama dua hala yang sekian lama terjalin antara negara dan rakyat kedua-dua buah negara.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Saluran Rusa Awda
PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA



Qabul Dalam Wasiat

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

WASIAT ialah sumbangan suatu hak berupa harta atau selainnya yang disandarkan untuk dilaksanakan setelah kematian pewasiat. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, hukum berwasiat ialah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut) berdasarkan ijma'.

Shighah dalam wasiat merupakan salah satu daripada empat rukun wasiat. *Shighah* dalam wasiat ialah lafaz dan seumpamanya seperti isyarat dan penulisan yang memaklumkan tentang wasiat sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj. *Shighah* dalam wasiat merupakan rukun yang penting kerana ia berperanan sebagai permulaan bagi pelaksanaan dan mengadakan wasiat. Tanpa *shighah*, wasiat tidak dapat dilaksanakan.

Shighah dalam wasiat terdiri daripada dua perkara iaitu *ijab* dan *qabul*. *Ijab* dalam wasiat ialah apa yang menunjukkan ke arah pemilihan setelah kematian. Manakala *qabul* dalam wasiat membawa makna keredhaan terhadap penerimaan wasiat. Persoalan yang ingin ditimbulkan di sini ialah berkenaan *qabul* dalam wasiat, bagaimana bentuk penerimaan (*qabul*) yang sah daripada penerima wasiat dan bila ia perlu dilakukan agar dianggap sah? Persoalan lain, adakah *qabul* dituntut untuk dilakukan dengan segera?

Menurut para ulama, *qabul* dalam wasiat hendaklah dilaksanakan secara pelafazan dan tidak memadai *qabul* secara perbuatan. Antara lafaz-lafaz *qabul* dalam wasiat itu ialah seperti seseorang mengatakan : "Aku terima" atau "Aku redha".

Selain seseorang melafazkan *qabul* terhadap suatu wasiat, seseorang juga boleh menolak daripada menerima wasiat. Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya I'alah ath-Thalibin, hendaklah penolakan itu dilakukan dengan lafaz sama ada secara *sharih* atau secara *kinayah*. Antara lafaz penolakan secara *sharih* ialah seperti seseorang berkata : "Aku tidak menolaknya" atau "Aku tidak mahu menerimanya" atau "Aku membatalkannya".

Manakala lafaz penolakan secara *kinayah* antaranya ialah seperti seseorang berkata : "Aku tidak berhajat kepadanya" atau "Wasiat ini tidak layak bagiku". Jika dia berniat menolak wasiat semasa melafazkannya, maka sabitlah penolakannya terhadap wasiat itu. Jika dia tidak berniat menolaknya, maka tidak sabit penolakannya terhadap wasiat tersebut.

Walau bagaimanapun, *qabul* dalam wasiat tidak disyaratkan dalam semua keadaan bagi pelaksanaan wasiat, bahkan ia hanya disyaratkan dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja. Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj, jika seseorang mewasiatkan hartanya kepada suatu golongan yang tidak ditentukan, umpamanya dia mewasiatkan hartanya untuk golongan umum seperti golongan fakir, atau dia mewasiatkan hartanya untuk suatu golongan yang ditentukan namun bilangan mereka itu tidak terbatas, umpamanya dia mewasiatkan hartanya untuk kabilah al-Hasyimiyyah, maka wasiat tersebut akan terlaksana dengan kematian pewasiat serta tidak disyaratkan dan tidak diwajibkan bagi golongan tersebut selaku penerima wasiat untuk melafazkan *qabul* kerana kesukaran untuk melaksanakan *qabul* daripada kesemua orang dalam golongan tersebut.

Menurut beliau lagi, jika seseorang mewasiatkan hartanya kepada suatu golongan yang ditentukan dan bilangan mereka itu terbatas, umpamanya dia mewasiatkan hartanya untuk golongan fakir di suatu tempat namun mudah untuk menghitung bilangan mereka menurut adat, maka disyaratkan dan diwajibkan *qabul* daripada setiap orang dalam golongan tersebut.

Bila Melafazkan Qabul?

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, jika seseorang melafazkan *qabul* atau penolakan terhadap wasiat ketika pewasiat masih hidup, maka tidak sah *qabul* wasiat serta tidak sah penolakan terhadap wasiat itu ketika pewasiat masih hidup kerana penerima wasiat tidak mempunyai hak terhadap harta wasiat tersebut sebelum kematian pewasiat. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj menjelaskan :

Ertinya : Dan tidak sah penerimaan serta (tidak sah) penolakan (yang dilakukan) semasa hidup pewasiat kerana tiada hak baginya (penerima wasiat terhadap harta wasiat) sebelum kematian (pewasiat).

Oleh itu, jika seseorang telah melafazkan *qabul* wasiat ketika pewasiat masih hidup, maka dia boleh menolaknya setelah kematian pewasiat. Begitu juga sebaliknya, jika seseorang telah menolaknya ketika pewasiat masih hidup, maka dia boleh melafazkan *qabul* setelah kematian pewasiat kerana *qabul* atau penolakan yang dilafazkan semasa hidup pewasiat hukumnya tidak sah. Berkenaan perkara

ini, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj menjelaskan :

Ertinya : Maka (boleh) bagi sesiapa yang menolak pada ketika itu (semasa hidup pewasiat) melafazkan *qabul* setelah kematian (pewasiat) dan (demikian juga) sebaliknya.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* lagi, jika pewasiat telah meninggal dunia, lalu penerima wasiat melafazkan *qabul* terhadap wasiat, maka tidak sah bagi penerima wasiat untuk menolak wasiat itu setelah dia melafazkan *qabul*, sama ada dia telah menerima harta wasiat tersebut atau dia belum menerimanya menurut pendapat *al-mu'tamad*. Begitu juga sebaliknya, jika penerima wasiat menolak wasiat setelah pewasiat meninggal dunia, maka tidak sah bagi penerima wasiat untuk melafazkan *qabul* setelah dia menolaknya. Beliau menjelaskan lagi :

Ertinya : Ya, (melafazkan) *qabul* setelah (melafazkan) penolakan tiada bermanfaat (sia-sia), begitu juga (melafazkan) penolakan setelah (melafazkan) *qabul*, (sama ada) sebelum menerima (harta wasiat) atau setelahnya menurut pendapat *al-mu'tamad*.

Adakah Disyaratkan Qabul Dengan Segera?

Bagi penerima wasiat yang mampu mengurus harta, *qabul* dalam wasiat tidak disyaratkan untuk dia melafazkannya dengan segera setelah kematian pewasiat bahkan boleh ditangguhkan *qabul* tersebut kerana *qabul* dengan segera itu disyaratkan pada akad-akad yang mensyaratkan padanya ikatan *qabul* dengan *ijab* seperti dalam akad jual beli. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin berkata :

Ertinya : Dan tidak disyaratkan (*qabul*) setelah kematiannya (pewasiat) dengan segera.

Meskipun harus bagi penerima wasiat yang mampu mengurus harta untuk menagguhkan *qabul* atau menolak wasiat mengikut kemahuannya, namun dalam keadaan tertentu perbuatan menagguhkan tersebut boleh mendatangkan kemudaratkan kepada ahli waris pewasiat. Oleh itu, jika penerima wasiat belum memberi jawapan sama ada hendak melafazkan *qabul* atau menolaknya, maka waris pewasiat berhak menuntut jawapan daripada penerima wasiat. Jika dia enggan memberi jawapan, maka hakim boleh menghukumkannya sebagai menolak wasiat sebagaimana yang dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj, katanya :

Ertinya : Dan bagi waris (boleh) menuntut (jawapan) penerima wasiat (sama ada) *qabul* atau penolakan, jika dia enggan, (maka boleh) dihukumkan ke atasnya dengan penolakan (oleh hakim).



IRSYAD HUKUM

جاءت في كل حال

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Adapun bagi penerima wasiat yang tidak mampu mengurus harta seperti kanak-kanak, maka walinya mengambil tempatnya dalam melafazkan *qabul* atau menolak wasiat. Bagi memelihara maslahat terhadap penerima wasiat tersebut serta mengelak harta wasiat tersebut daripada kemudaratkan seperti hilang pendapatan atau terjadi kerosakan, maka wajib ke atas wali penerima wasiat menegerakan jawapan terhadap wasiat sama ada melafazkan *qabul* atau menolaknya dan tidak dibenarkan baginya untuk melambatkan jawapan tanpa sebarang keuzuran.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, jika wali enggan memberi jawapan kerana degil umpamanya, maka perwaliannya sebagai penerima wasiat terlucut dan hakim akan mengambil tempatnya bagi melafazkan *qabul*.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* lagi, jika wali melafazkan *qabul* bagi sebahagian daripada harta wasiat serta enggan memberi jawapan bagi harta yang selebihnya, maka sah *qabul* yang dilafazkan oleh wali bagi sebahagian harta wasiat tersebut dan hakim akan mengambil tempat wali bagi melafazkan *qabul* terhadap baki harta wasiat tersebut.

Menurut Imam Ibn Qasim al-'Abbadi *Rahimahullah* dalam Hasyiyahnya, jika seseorang berwasiat kepada kanak-kanak lalu walinya belum melafazkan *qabul* terhadap wasiat pada ketika itu, maka kanak-kanak itu boleh melafazkan *qabul* apabila dia sudah baligh menurut pendapat *al-mu'tamad*.

Demikian penjelasan mengenai bentuk *qabul* yang sah daripada penerima wasiat dan waktu melakukannya agar dianggap sah serta penjelasan mengenai menegerakan atau menagguhkan *qabul*.

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

MASYARAKAT Islam umumnya amat mengambil berat soal halal dan haram dalam isu pemakanan. Rata-rata umat Islam hari ini amat prihatin terhadap makanan yang dikonsumsi agar tidak terkandung elemen-elemen haram yang boleh menjejaskan keberkatan hidup seperti babi, alkohol, atau bahan yang diperolehi dengan cara yang tidak halal.

Namun begitu, adakah cukup sekadar memperakui barangan makanan bertanda halal tetapi wang yang digunakan untuk membelinya masih lagi bersumberkan pendapatan yang haram.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-Idah, ayat 88, terjemahan makna ayatnya :

"Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman".

Hakikat yang tidak dapat dinafikan, kesedaran umat Islam mengenai halal dan

Halal dalam segala hal

haram dalam aspek perolehan pendapatan masih mendukacitakan. Umat Islam lebih memperhitungkan soal barangan berlabel halal berbanding dengan sumber perolehan mahupun pendapatan.

Di akhirat nanti, kita pasti akan ditanya bagaimana harta diperolehi dan bagaimana membelanjakannya. Sebagaimana Imam At-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu Barzah Al-Aslami Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Tidak akan bergeser tapak kaki seorang hamba pada Hari Kiamat, sampai ia ditanya tentang empat perkara (iaitu) : Tentang umumnya untuk apa ia habiskan, tentang jasadnya untuk apa ia gunakan, tentang hartanya dari mana ia mendapatkannya dan ke manakah ia meletakkannya, dan tentang ilmunya, apakah yang telah ia amalkan".

Kesedaran mengenai rezeki dan sumbernya yang halal amat penting bagi menumbuhkan

KESEDARAN mengenai rezeki dan sumbernya yang halal amat penting bagi menumbuhkan rasa keterikatan dengan hukum dan peraturan yang ditetapkan Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki yang diperoleh dengan cara halal tanpa merugikan orang lain pastinya akan membawa keberkatan dalam rezeki, kesihatan, ketenangan hidup secara menyeluruh. Sebaliknya yang haram termasuklah perolehan daripada sumber penyelewengan, penipuan, rasuah, pecah amanah dan riba hanya akan menggelapkan hati, menyukarkan berbuat ibadah, menjadi pemalas, sukar untuk mendapat ilmu, taufik dan hidayah.

rasa keterikatan dengan hukum dan peraturan yang ditetapkan Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki yang diperoleh dengan cara halal tanpa merugikan orang lain pastinya akan membawa keberkatan dalam rezeki, kesihatan, ketenangan hidup secara menyeluruh. Sebaliknya yang haram termasuklah perolehan daripada sumber penyelewengan, penipuan, rasuah, pecah amanah dan riba hanya akan menggelapkan hati, menyukarkan berbuat ibadah, menjadi pemalas, sukar untuk mendapat ilmu, taufik dan hidayah.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 20, terjemahan makna ayatnya :

"Tidaklah kamu memerhatikan bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmat-Nya yang zahir (seperti kesihatan dan kekayaan) dan yang batin (seperti ilmu pengetahuan dan akal)".

Bersamalah kita berdoa dan berusaha dalam mencari dan memperoleh rezeki yang halal dan baik dengan penuh amanah, yang kemudiannya kita memperoleh makanan yang halal agar kehidupan akan penuh keberkatan, ketenangan dan mendapatkan reda Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus menerima ganjaran syurga dari-Nya di akhirat kelak.

NBD, SINGAPURA PERKUKUH HUBUNGAN KERJASAMA STRATEGIK



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menghadiri Mesyuarat Pertama Joint Committee Ministerial Meeting (JCMM) antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 22 September. - Mesyuarat Pertama Joint Committee Ministerial Meeting (JCMM) antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura telah berlangsung pada 15 September 2025 lalu di Republik Singapura.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Tenaga Kerja (Manpower) dan Menteri bertanggungjawab bagi Tenaga dan Sains & Teknologi di Kementerian Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Yang Berhormat Dr. Tan See Leng.

Mesyuarat ini merupakan sebuah platform untuk mengukuhkan kerjasama strategik di antara kedua-dua buah negara, mempertingkatkan penyelarasan institusi serta mendukung hasil yang lebih berimpak.

Ia menekankan kemajuan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Bersama yang diketuai oleh Kumpulan-kumpulan Kerja dalam sektor-sektor keutamaan seperti sekuriti makanan; bekalan produk perubatan; tenaga rendah karbon; serta pasaran karbon, penangkapan dan penyimpanan karbon, kredit karbon dan ekonomi hijau, sepertimana yang telah ditubuhkan berikutan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) on

Strengthening Trade and Investment Cooperation in Food and Medical Products dan MoU on Cooperation in Energy and Green Economy.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew menegaskan kepentingan bagi memperkukuh kerjasama di antara kedua-dua buah negara dengan memanfaatkan kekuatan masing-masing, terutamanya dalam menghadapi ketidaktentuan landskap ekonomi global semasa.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa platform seperti APEC, ASEAN dan Perkongsian Masa Depan Pelaburan dan Perdagangan (Future of Investment and Trade

Partnership – FIT-P) yang baru diwujudkan merupakan saluran penting bagi perbincangan berterusan mengenai isu-isu semasa yang memberi kesan kepada negara anggota, termasuk isu rantaian bekalan (supply chain).

Melalui kerjasama ini, kedua-dua buah negara berpeluang untuk mengkaji kemajuan yang telah dicapai serta secara bersama menetapkan hala tuju baharu bagi pegawai kanan dalam memperkukuh kerjasama dua hala dan serantau.

Pada mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew dan Yang Berhormat Dr. Tan See Leng menyambut baik kemajuan

konsisten yang dicapai oleh Kumpulan-kumpulan Kerja dan menyuarakan sokongan padu untuk meluaskan kerjasama di luar skop MoU sedia ada yang tertumpu kepada sektor makanan dan tenaga.

Antara bidang yang dikenal pasti sebagai potensi baru termasuklah pembangunan modal insan dan pelancongan.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin serta pegawai-pegawai dari Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Guru Ke-35



MAJLIS Doa Kesyukuran bagi meraikan Sambutan Hari Guru yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Tarikh 23 September merupakan Sambutan Hari Guru bagi negara ini bagi meraikan dan mengenang para pendidik yang menabur jasa memimpin anak bangsa dan watan ke arah pendidikan yang sempurna dan mampan.

Dalam meraikan sambutan yang ke-35 tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang

■ **Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman**
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad dan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Juga hadir, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para Pegawai Kanan KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan dianugerahkan kesihatan, kekuatan serta perlindungan yang berterusan dalam memimpin negara ke arah kesejahteraan

dan keberkatan yang berpanjangan.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop yang juga mengimamkan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Seterusnya bacaan Ratib Al-Attas dipimpin oleh Imam Tingkat III masjid berkenaan, Awang Haji Hamdini bin Haji Garip.

Manakala Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murad.

Majlis dihadiri sama oleh pegawai-pegawai, guru-guru serta pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah, maktab - maktab, institusi - institusi pengajian tinggi dan teknikal di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Majlis Doa Kesyukuran merupakan sebahagian daripada acara keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Tema bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'.

MAJLIS CERAMAH KHAS SEMPENA MAULIDUR RASUL



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS GARISON, Isnin, 22 September. - Bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Ceramah Khas Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1447

Hijrah / 2025 yang berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garison bagi perhimpunan lelaki. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin

Dato Paduka Haji Ibrahim. Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta warga Kementerian Pertahanan. Turut diundang ialah Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati

TIMBALAN Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.

(STKRJ) Kampung Lambak Kiri.

Majlis yang dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah tersebut disusuli dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Al-Ahzab, ayat 45-48 serta penyampaian Tadabbur Al-Quran dan diikuti dengan alunan Selawat Nuril Anwar.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Ceramah Khas Maulud yang disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarah Agama ABDB, Awang Muhammad Nur Amin bin Haji Jali yang bertajuk 'Membentuk Keluarga Bahagia Bermodalkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan Persembahan Qasidah dan bacaan Doa Penutup sebelum diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar

Berjemaah.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menyemarakkan bulan penuh keberkatan, Rabiulawal, dengan memperingati keindahan akhlak mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mengukuhkan penghayatan agama dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan serta mempereratkan hubungan silaturahim melalui perhimpunan keagamaan.



CERAMAH Khas Maulud disampaikan oleh Awang Muhammad Nur Amin bin Haji Jali.

Bentuk keluarga bahagia bermodalkan sunnah Rasulullah

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

TANAH JAMBU, Isnin, 22 September. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Ceramah Khas bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi bagi perhimpunan wanita bertempat di Dewan Auditorium, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Perkhemahan Tanah Jambu, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Ketua Perundangan Tentera ABDB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta warga wanita Kementerian Pertahanan manakala Muslimah Masjid Az-Zakireen, Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang turut dijemput pada majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah Al-Ahzab bermula dari ayat 45 hingga 48 yang dibacakan oleh Ketua Cawangan CLS SI TDDDB dan juga Parakaunselor SI TDDDB, Mejar Nurulaini binti Haji Mohd. Zain.

Manakala Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Penolong

Pegawai Turus Nasihat dan Bimbingan Agama di Jabatanarah Agama ABDB, Kapten Siti Nur Hazwani binti Ismail.

Sejurus alunan Selawat Nuril Anwar beramai-ramai, majlis diteruskan dengan Ceramah Khas Maulud bertajuk 'Membentuk Keluarga Bahagia Bermodalkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Turut menyerikan majlis berkenaan ialah Persembahan Qasidah sebelum diteruskan dengan bacaan Doa Penutup dan kemudiannya diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menyemarakkan bulan penuh keberkatan, Rabiulawal, dengan memperingati keindahan akhlak mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mengukuhkan penghayatan agama dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan serta mempereratkan silaturahim melalui perhimpunan keagamaan.



SEKITAR majlis tersebut yang diadakan di Dewan Auditorium, Akademi Pertahanan ABDB, Perkhemahan Tanah Jambu (kiri dan bawah).



KETUA Perundangan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan bagi perhimpunan wanita.

Pendaftaran Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Saringan dibuka

Siaran Akhbar : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali, Pekan Muara akan menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Musabaqah ini merupakan peringkat awal pemilihan qari dan qariah bagi melayakkan diri ke peringkat separuh akhir yang akan dikendalikan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU.

Syarat-syarat kelayakan penyertaan adalah peserta hendaklah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (pemegang Kad Pengenalan Kuning), beragama Islam dan bermazhab Syafii aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Peserta hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun semasa mendaftar.

Pemilihan awal peringkat saringan kebangsaan bagi Tahun 1447H/2025M akan diadakan selama tiga hari bermula pada 21 Oktober hingga 23 Oktober 2025 bertempat di Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Sehubungan dengan itu, borang penyertaan boleh diperoleh di Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Simpang 15, Jalan Sumbiling Bandar Seri Begawan BA2110, Negara Brunei Darussalam.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian Imarah, JHEM tidak lewat daripada Isnin, 13 Oktober 2025, pukul 4.00 petang (tertakluk kepada perubahan).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Imarah, JHEM menerusi talian +673 8878570 / +673 8831350 / +673 8747125.

BDCB UMUM PENGELUARAN SIRI BAHARU KELUARGA MATA WANG NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengumumkan rancangan mengenai pengeluaran Siri Baharu Keluarga Mata Wang Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi denominasi-denominasi BND1, BND5, BND10, BND100 dan BND500 yang menandakan pencapaian signifikan dalam evolusi perkembangan mata wang negara. Siri tersebut dijadualkan untuk diedarkan pada separuh tahun pertama 2026.

Perkara demikian dikongsikan oleh Pengarah Eksekutif, Pengurusan Mata Wang BDCB, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud semasa Sidang Media bagi Projek Mata Wang yang berlangsung di Ar-Rasyad, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, hari ini.

Menurutnya, siri baharu ini menampilkan ciri-ciri keselamatan yang dinaik taraf, selaras dengan kemajuan global dalam industri mata wang.

"Peningkatan ini antara lainnya bertujuan untuk melindungi sekuriti dan integriti mata wang NBD, di samping memperkukuhkan perlindungan terhadap risiko pemalsuan wang.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan BDCB untuk memastikan keselamatan mata wang

negara, lebih-lebih lagi wang tunai masih memainkan peranan yang besar dan digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian, meskipun NBD giat bergerak ke arah ekonomi digital," ujarnya.

Jelasnya lagi, siri ini akan mudah dikenali dan digunakan oleh orang ramai kerana ia mengekalkan identiti dan warisan kebangsaan yang kukuh.

Beliau menambah, khususnya, siri baharu ini memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada mata wang BND1, BND5, BND10, dan BND100, dan potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada mata wang BND500.

Tambahan pula jelasnya, ikonografi yang sama digunakan pada muka hadapan dan belakang mata wang tersebut.

Di samping itu katanya, siri ini mengesahkan unit rasmi mata wang NBD mengikut Perintah Mata Wang, 2004 iaitu 'dolar'. Istilah 'Ringgit' telah digantikan dengan 'Dolar Brunei' pada

semua denominasi.

Beliau seterusnya menjelaskan, perubahan ini bertujuan untuk memperkukuh serta menggalakkan penggunaan istilah tersebut secara meluas.

"Dalam usaha berterusan untuk mempromosikan keterangkuman dan memastikan akses pembayaran adalah kekal mudah bagi semua lapisan masyarakat, BDCB memperkenalkan ciri DOMINO™ untuk membantu orang kelainan upaya penglihatan menggunakan mata wang ini.

"Ciri ini menampilkan titik yang timbul pada sudut bawah sebelah kanan setiap mata wang, dengan susunan yang unik bagi setiap denominasi," ujarnya.

Tambahnya lagi, BDCB seterusnya



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

ingin memaklumkan bahawa semua mata wang yang sedia ada dalam edaran masih sah diperlakukan dan boleh terus digunakan bersama-sama siri mata wang baharu ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai

Siri Baharu Keluarga Mata Wang serta ciri-ciri keselamatannya, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

Jalin kerjasama bangunkan bakat teknologi digital, kewangan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUNGKU LINK, Isnin, 22 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Northern Trust hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membangunkan bakat dalam bidang teknologi digital dan kewangan (FinTech) serta mengukuhkan kerjasama akademik-industri.

Majlis Penandatanganan MoU tersebut berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor UBD.

Melalui MoU tersebut, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan merangkumi aset digital, penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) serta trend pasaran kewangan baharu.

Usaha ini bertujuan untuk membekalkan pelajar Brunei dengan pengetahuan praktikal dan amalan terbaik antarabangsa dalam inovasi digital dan 'FinTech'.

Ketua Kumpulan Perkongsian Strategik, Aset Digital dan Pasaran Kewangan, Northern Trust, Justin Chapman berkata, kerjasama tersebut mencerminkan komitmen syarikat dalam memajukan pendidikan dan inovasi secara global, di samping berkongsi kepakaran untuk memperkasa bakat tempatan agar mampu bersaing dalam landskap kewangan yang pesat berubah.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi UBD (UBDSBE), Dr. Wardah Azimah binti Sumardi menegaskan bahawa

kerjasama dengan Northern Trust akan memberikan pelajar pendedahan berharga terhadap amalan kewangan global dan teknologi baharu, sekali gus membantu mereka membina kemahiran serta perspektif untuk menyumbang kepada masa depan kewangan digital.

MoU ini juga menandakan langkah penting dalam memperkukuh penyelidikan bersama serta inovasi, sekali gus memperlihatkan komitmen UBD dalam menyokong pembangunan serantau dan ekonomi negara. Ia sejajar dengan strategi Northern Trust untuk menggalakkan kerjasama akademik di peringkat global.

Northern Trust melalui bahagian Aset Digital dan Pasaran Kewangan menyatukan fungsi pasaran digital dan tradisional bagi membantu pelanggan menavigasi perkembangan pesat pasaran digital serta pelaburan aset digital di samping kelas aset tradisional.

Ditubuhkan di Chicago pada tahun 1889, Northern Trust kini mempunyai kehadiran global dengan pejabat di 24 buah negeri Amerika Syarikat serta 22 lokasi lain di Kanada, Eropah, Timur Tengah dan Asia Pasifik.

Sehingga 30 Jun 2025, Northern Trust mencatatkan jumlah aset di bawah jagaan / pentadbiran sebanyak USD18.1 trilion dan aset di bawah pengurusan sebanyak USD1.7 trilion.



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) tersebut berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ayam Masak Kunyit RPN Kampung Mata-mata

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 ekor ayam (dipotong kecil)
- 2-3 inci kunyit hidup (dikisar)
- 2 biji ubi kentang dipotong dadu
- 5 keping asam tampik
- 1 batang serai (diketuk)
- 3 ulas bawang merah (dikisar halus)
- 2 ulas bawang putih (dikisar halus)
- 1 biji bawang besar (dihiris)

1 inci halia (dikisar)

2 biji cili padi (dikisar)

Garam dan gula secukup rasa

2 batang kacang Panjang

Sedikit daun kunyit dihiris halus

CARA-CARA MEMASAK :

Bersihkan ayam dan rebus dengan air ikut sukatan sesuai dengan kuantiti ayam. Kemudian masukkan bawang merah,

bawang putih, halia, serai, cili padi yang telah dikisar. Setelah mendidih, masukkan ubi kentang dan biarkan hingga masak. Akhir sekali, masukkan bawang besar dan kacang panjang. Gaul rata hingga kuah sedikit pekat dan sebatu dengan ayam. Akhir sekali, taburkan hirisan daun kunyit di atas hidangan. Siap untuk dihidangkan.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada 'Architect Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa 14 Oktober 2025

Tarikh Tutup:
Selasa 21 Oktober 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 18 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Architect Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Sekolah Guna Sama Sekolah Rendah dan Sekolah Agama di Perumahan Negara Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Civil and Structural Engineering Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 19 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Civil and Structural Engineering Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Sekolah Guna Sama Sekolah Rendah dan Sekolah Agama di Perumahan Negara Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical and Electrical Engineering Consultancy' yang berdaftar



dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 20 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Sekolah Guna Sama Sekolah Rendah dan Sekolah Agama di Perumahan Negara Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Quantity Surveying Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 21 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Quantity Surveying Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Sekolah Guna Sama Sekolah Rendah dan Sekolah Agama di Perumahan Negara Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Architect Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 14 Oktober 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 Oktober 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 36 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Architect Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Kompleks Bersepadu Sekolah Rendah, Menengah dan Agama di Rancangan Perumahan Negara Mengkubau'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Civil and Structural Engineering Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 37 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Civil and Structural Engineering Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Kompleks Bersepadu Sekolah Rendah, Menengah dan Agama di Rancangan Perumahan Negara Mengkubau'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical and Electrical Engineering Consultancy'



yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 38 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Kompleks Bersepadu Sekolah Rendah, Menengah dan Agama di Rancangan Perumahan Negara Mengkubau'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Quantity Surveying Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 39 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Quantity Surveying Consultancy Services For 'Pembinaan Sebuah Kompleks Bersepadu Sekolah Rendah, Menengah dan Agama di Rancangan Perumahan Negara Mengkubau'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Architect Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
14 Oktober 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Oktober 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 41 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Architect Consultancy Services For 'Pembinaan UBD Digital Science Nexus'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Civil and Structural Engineering Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 42 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Civil and Structural Engineering Consultancy Services For 'Pembinaan UBD Digital Science Nexus'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical and Electrical Engineering Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 43 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services For 'Pembinaan UBD Digital Science Nexus'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Quantity Surveying Consultancy' yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 44 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For Quantity Surveying Consultancy Services For 'Pembinaan UBD Digital Science Nexus'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
JDT / BPP / 01 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Pengurusan Dan Pengendalian Gerai Pasar Malam Seri Kenangan, Musim Ke-12 Bagi Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
6 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 2.2025
Renewal of Internet Leased Line Subscription for EGNC, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa,
4 November 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Oktober 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 17 / 2025

Nama Projek:
Kerja – Kerja Penambahan Tempat Letak Kereta Pusat Kesihatan Muara

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 18 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap Semula Lebuhraya Tungku – Hala BSB

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 19 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap Semula Lebuhraya (Di Antara Jejambat Tungku & Jalan Susur Batu Bersurat) Hala Rimba

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)





JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / SBH / KOP / 298 / 2025

Tajuk:
Provision Of Security Guard
Services For DES Batu Bersurat,
Cable Yard Gadong,
Main Store Gadong And Pasir
Putih Sub-Store For 4 Months

Tarikh Tutup:
27 September 2025
Sabtu, Jam 9.00 Pagi

Yuran Dokumen:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.



Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 062 / 2025

Tajuk:
Construction Of Cable Bridge
Across Sungai Menglait In
Brunei-Muara District For Six
Months

Tarikh Tutup:
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00 Tidak Dikembalikan

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 062 / 2025

Tajuk:
Construction of Cable Bridge
Across Sungai Menglait in Brunei
Muara District for Six (6) Months

Tarikh Tutup:
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00 Tidak Dikembalikan

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3,4
atau 5 dalam kategori KA01



Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 063 / 2025

Tajuk:
Replacement of Son / Street
Lighting to LED Street Lighting at
Highway Rimba and Tungku

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 079 / 2025

Tajuk:
Laying of Low Voltage Cable in
Bandar Seri Begawan Areas

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 080 / 2025

Tajuk:
Replacement of Led Fittings and
8M to 12M Street Lighting Poles
for Mukim Serasa and Mentiri

Tarikh Tutup:
14 Oktober 2025 Selasa,
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box Pengerusi Lembaga
Tawara Kecil, Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.



Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 111 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
30 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 62 /
BPPK / 16

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract
To Supply And Delivery
Lubricating Oil
For 2-Stroke Engine Oil (2T) For
Seksyen Keindahan Dan Kebersihan,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
25 September 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Bahagian Pemuliharaan Dan
Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar
Seri Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu Dan Pemeliharaan,
Spg 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 43

Tajuk Tawaran:
Rental Of LED Screen, Digital
Screens And Multi-Function
Copier For UN Tourism Regional
Workshop In Brunei Darussalam,
18-20 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran: Khamis,
9 Oktober 2025,
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 99 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years
Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 100 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 101 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 102 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of

Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 103 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 104 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 105 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 106 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of

Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 107 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 108 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 109 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 110 / 2025 / PHARM (TC)



MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 568 / 2009

Standard Chartered Bank
Pemiutang / Pemetisyan

Baby Melissa Binti Haji Jumat
[Kad Pengenal Brunei No.
00-255337 - Kuning]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **8 Mei 2025**.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Baby Melissa binti Haji Jumat,
No. 8, Simpang 18,
Jalan Nenas Paun,
STKRJ Kampung Katok B,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
20 Mac 2025

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di
atas hendaklah dihadapkan
kepada **Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

Tarikh:
31 Julai 2025

Syarikat (Penggulungan)
No. BCY / VCWP / 5 / 2025

Dalam Perkara Akta Perintah
Insolvensi (Penggulungan)
Aturan 2018
Dan
Dalam Perkara Dillenia
Development Sdn. Bhd.

Notis Insolvensi
(Penggulungan)

Nama Syarikat:
Dillenia Development Sdn. Bhd.

Alamat Pejabat Berdaftar:
No. 298, Simpang 288,
Jalan Muara,
Kampung Sungai Tilong,
Berakas 'B', BC3315,
Brunei Darussalam.

Tarikh Perintah Penggulangan:
17 Mei 2025

Tarikh dan Tempat Perjumpaan:
11 September 2025
Jam 2.15 Petang

Pejabat Pegawai Rasmi,
Mahkamah Besar,
Jalan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
2 Ogos 2025.

Notis Perjumpaan Pertama
Pemiutang

Di bawah Perintah Penggulangan
bertarikh 17 Mei 2025. Notis
adalah dengan ini diberikan
bahawa Perjumpaan Pertama
Pemiutang mengenai perkara di
atas akan diadakan di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-11)
Mahkamah Besar, pada 11
September 2025 jam 2.15
Petang**. Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti
hutang kamu mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini. Proksi-proksi yang
akan digunakan diperjumpaan ini
mestilah diserah-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh:
2 Ogos 2025

**Muhd Muzakir Bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Kes No.
BCY / CP / 663 / 2015

Pembinaan Bersatu Sdn Bhd
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyan

Dyg Hjh Sa'adah Bte Awg Haji
Mohammad Taib
BYIC NO. 00-071170
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut
pada **16 April 2016 telah
dibatalkan pada 17 Julai 2025**.

Nama Penghutang:
Dyg Hjh Sa'adah Bte Awg Haji
Mohammad Taib

Alamat Penghutang:
No. 9, Simpang 100-13,
Kampung Pengkalan Gadong,
Jalan Tungku Link,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
26 Julai 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Kes No.
BCY / CP / 285 / 2015

**Baiduri Finance Berhad
Previously filed by HSBC
Finance (B) Berhad**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyan

**Zulkaemi Bin Hj Md Yusof
BYIC NO. 00-273461**
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut
pada **26 Mac 2016 telah
dibatalkan pada 29 Mac 2025**.

Nama Penghutang:
Zulkaemi Bin Hj Md Yusof

Alamat Penghutang:
No. 8, Simpang 165,
Jalan 99, Perpindahan Rimba,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
6 Ogos 2025



JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
(49) QTN / BKISHHB / 2023 / PT.1

Tajuk Tawaran:

The Supply, Delivery, Design,
Customization, Development,
Integration, Testing, Verification,
Commissioning And Maintenance
Of BKISHHB Online Ticketing
System For Balai Khazanah Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
Brunei Darussalam

Sesi Penerangan
(Information Day):
Selasa, 21 Oktober 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIKULTUR KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Khamis, 30 Oktober 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 81 / 2025-2026
To Supply, Deliver, Install, Test
And Commission One (1) Unit Of
Shaking Incubator

JPt / SH / 82 / 2025-2026
To Provide And Deliver
Consumables, Chemicals And
Reagents For Analysis In Nutrition
And Toxicology Laboratory

JPt / SH / 83 / 2025-2026
To Perform Preventive
Maintenance Service For LCMS
And Extraction Arms At VLS, KKP
Terunjing



**Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Rancangan
Pemakanan Sekolah Dan
Program Harapan 2025

**DA / JKSH / 101 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan Sekolah
Bahagian Makan Bagi:
1. Sekolah Rendah Panchong
2. Sekolah Rendah Benutan
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: MKN / 03
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**DA / JKSH / 102 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan Sekolah
Bahagian Asrama Kering Bagi:
Maktab Duli Pengiran Muda
Al-Muhtadee Billah, Gadong
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: AK / 01
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**DA / JKSH / 103 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Harian
Sarapan Pagi Secara Tapau
Program Harapan Bagi
Sekolah Rendah Semabat
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / S7
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 104 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan-Keperluan
Pemakanan (Makan Tengah Hari)
Program Harapan Bagi
Sekolah Rendah Nakhoda Abdul
Rashid, Menunggol
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / T2
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 105 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan-Keperluan
Pemakanan (Makan Tengah Hari)
Program Harapan Bagi
Sekolah Rendah Merangking
Daerah Belait.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / T3
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 106 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Minuman Kotak
Tenusu Program Harapan Bagi :
1. Sekolah Rendah Saba Darat B
2. Sekolah Rendah Haji Tarif
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST2
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 107 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Minuman Kotak
Tenusu Program Harapan Bagi:
1. Sekolah Rendah Abdul Rashid,
Tanjong Maya
2. Sekolah Rendah Kg Menengah
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST6
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 108 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan



JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi
'The Migration Of Brunei WX
APP To
E-Government National Centre
(EGNC) One Government
Private Cloud (OGPC)'

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-09

Tarikh Tutup:
Rabu,
1 Oktober 2025

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajuca Brunei
Darussalam
Tingkat 1 / Aras Permukaan,
Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam.



Menghantar Minuman Kotak
Tenusu Program Harapan Bagi
Sekolah Rendah Serasa, Muara
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST11
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 109 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Minuman Kotak
Tenusu Program Harapan Bagi
Sekolah Rendah Orang Kaya Ali
Wanika Setia Diraja, Kupang
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST12
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 110 / 2025 / 2026
[BPPA-SEPT-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Minuman Kotak
Tenusu Program Harapan Bagi
Sekolah Rendah Labu Estate
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / ST13
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 11 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi





**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 107 / 25 – 26
Penerbitan Musik Video
Kenegaraan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 108 / 25 - 26
Penerbitan Musik Video Perayaan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 109 / 25 - 26
Penerbitan Dramatise Ramadhan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 110 / 25 - 26
Renovation Work At Radio
Televisyen Brunei Madang
Barracks No. A1 And No. B2

Bayaran Yuran:
BND5.00 (bagi satu tajuk dan tidak
dikembalikan) (termasuk
e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu satu tajuk dan
tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 101 /
25 – 26

Supply and Delivery of Multicamera
Recorder
for Outside Broadcast

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
RTB / K / 102 /
25 - 26

Supply and Delivery
of Beltpack System
(Beltpack, Headset,
and Power Supply)
for Outside Broadcast

Bayaran Yuran:
BND5.00 (bagi satu tajuk dan tidak
dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu bagi satu tajuk
dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 04 /
2025-2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Testing And
Commissioning Of Portable Pump
With Related Accessories Over A
Period Of 3 Years For The Fire
And Rescue Department

Bilangan Kod Tawaran:
BFRD / LTK / 05 /
2025-2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery,
Testing And Commissioning Of
Self-Contained Breathing
Apparatus (SCBA) And
Compressed Air Cylinder Over A
Period Of 3 Years For The Fire
And Rescue Department

Tender Fee:
BND30.00
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
Electrical System Health Check And
Diagnostic Services For DVOR And
NDB Buildings

Bilangan Sebut Harga:
ATELS / 2025 / SH – 30

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen
Sebut Harga:**
17 September 2025, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
30 September 2025, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
1 Oktober 2025, Rabu,
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut
harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi Bandar Seri Begawan
BB2513 Negara Brunei Darussalam



Tawaran
To Repair & Replace faulty parts
of Street Light Pole at Brunei
International Airport
AME / 2025 – 2026 / SH-62
(kelas III atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
17 September 2025, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
30 September 2025, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
1 Oktober 2025, Rabu

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut
Harga d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam Kementerian
Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
27 / BBS / LK / 152 /
QABPLK

Keterangan Projek:
Mencetak Dan
Membekal 5,000 Buah Buku Notis
Kesalahan
(1 Naskhah Mengandungi
100 Muka Surat Salinan
Asal Dan 100 Salinan Karbon)

Tarikh Buka:
Isnin,
15 September 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 September 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
10 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Keterangan Projek:
Mencetak File Kuning Kerajaan
Jabatan Bandaran Kuala Belait
Dan Seria

Bilangan Tawaran:
11 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Keterangan Projek:
Membekalkan Kertas Putih A4
Dan A4 Transparent Binding
Cover Jabatan Bandaran Kuala
Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non – Refundable)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa 30 September 2025
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
03 / ASSET.MFA /
2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Deliver And Installation Of
Loose Office Furniture For A
Period Of Twelve (12) Months -
FSOR

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
1 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T1

Nama Tawaran:
To Develop And Operate Airport
Baggage And Related Services At
Brunei International Airport

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh mengambil dokumen
tawaran:**
Mulai 17 September 2025 hingga
4 Oktober 2025.

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2025 / T2

Nama Tawaran:
To Develop And Operate Retail /
Food & Beverage Outlet At Brunei
International Airport

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
ATELS / 2025 / SH-27
Maintenance Service Contract –
Philips NEC PABX System For
Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
24 September 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
7 Oktober 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
8 Oktober 2025
tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003 (01-2025)

Tajuk Sebut Harga:
Re-Quotation Membekal
Peralatan Dan Perkakas Kegiatan
Darat, Air Dan Tali Menali Di
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
14 / JULY / 2025 / KKBS / PJK /
16.43 (R)

Anti Termite Treatment For
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Main Office,
Jalan Kebangsaan,
Brunei Darussalam
(Requotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 25 September 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
09 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2025

One-Year Term Contract
To Supply And Deliver Genuine
Toner And Ink Catridges
For The Ministry Of Religious
Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 September 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KHEU / JPI / LTK / 01 /
2025-2026

Mencetak Ulang,
Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku Teks Persekolahan
Agama Darjah IV Hingga VI,
Bagi Sesi Pembelajaran Tahun
2026, Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwat UGama,
Tahun 1447H-1448H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 Rabiulakhir 1447H /
7 Oktober 2025M
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / HRM / 1 /
2025

Tajuk Sebut Harga:
Menyediakan Jamuan Bagi Program
Induksi Perkhidmatan Awam Untuk
Pegawai Dan Kakitangan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan Dan
Jabatan-Jabatan Dibawahnya

Tarikh Buka Sebut Harga:
17 September 2025, Rabu

Tarikh Tutup Sebut Harga:
2 Oktober 2025, Khamis,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam
Talian



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

MAJLIS ILMU 2025

نكارا دناناي دغن صدقه

Negara Ditanai Dengan Sedekah

سمقنا سمبوتن قرايان هاري كقوتراان
كباوه دولي نعمها مليا قاذك سري بكندا سلطان دان يقدقوتوان
نكارا بروني دارالسلام ك-٧٩ تاهون

MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2025

Khamis | 3 Rabiulakhir 1447H bersamaan 25 September 2025M | Bermula 8.00 pagi

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2025

Sabtu | 5 Rabiulakhir 1447H bersamaan 27 September 2025M | Bermula 8.00 pagi

CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2025

Selasa | 8 Rabiulakhir 1447H bersamaan 30 September 2025 | Bermula 8.00 pagi

SEMINAR MAJLIS ILMU 2025

Isnin | 28 Rabiulakhir 1447H bersamaan 20 Oktober 2025M | Bermula 8.00 pagi

PAMERAN MAJLIS ILMU 2025

Khamis hingga Rabu

3 hingga 9 Rabiulakhir 1447H bersamaan 25 September hingga 1 Oktober 2025M

(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)

BERTEMPAT:

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROGRAM CERAMAH SEMPENA MAJLIS ILMU 2025

Daerah Belait

Pusat Insani, Seria
Khamis, 17 Rabiulakhir 1447H
/ 9 Oktober 2025M

Daerah Brunei dan Muara

Dewan Musyawarah,
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Selasa, 22 Rabiulakhir 1447H
/ 14 Oktober 2025M

Daerah Tutong

Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong
Sabtu, 26 Rabiulakhir 1447H
/ 18 Oktober 2025M

Daerah Temburong

Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong
Khamis, 1 Jamadilawal 1447H
/ 23 Oktober 2025M

Penganjur Bersama





 23 SEPTEMBER

HG35

 SAMBUTAN

 Hari Guru Ke-35





Sambutan Hari Guru Ke-35

23 September 2025M • 01 Rabiulakhir 1447H





Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi



Majlis Ilmu 2025 : Menyemai ilmu dengan amalan sedekah di NBD

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

ILMU merupakan kurnia yang amat tinggi nilainya dalam kehidupan manusia. Sejak zaman berzaman, ilmu dianggap sebagai cahaya yang membimbing umat menuju kebenaran serta kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Justeru, tidak menghairankan apabila Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadikan ilmu sebagai asas utama pembangunan bangsa dan negara. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai inisiatif kerajaan dalam menganjurkan Sambutan Majlis Ilmu yang saban tahun menjadi antara acara besar di negara ini. Majlis Ilmu bukan sahaja berperanan sebagai wadah menimba pengetahuan, bahkan turut mengukuhkan jati diri, memupuk ukhuwah serta menyemai semangat cintakan agama, raja dan negara.

Majlis Ilmu mula diunkayahkan sejak tahun 2004 oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu dan sejak itu menjadi salah satu acara utama dalam rangkaian perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejak mula diperkenalkan, Majlis Ilmu telah banyak menyumbangkan pengetahuan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk di negara ini, sekali gus mencerminkan mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ilmu berperanan sebagai platform penyatuan ummah

Selain sebagai wahana penyebaran ilmu, Majlis Ilmu juga berperanan sebagai platform penyatuan ummah di bumi Darussalam

bersama negara-negara Islam serantau dan antarabangsa melalui penglibatan para penceramah undangan dari dalam dan luar negara.

Pelbagai pengisian menarik turut disusun sepanjang berlangsungnya majlis ini. Antara yang menjadi tumpuan adalah Majlis Perasmian, Forum Perdana, Ceramah Perdana, Sesi Seminar, Pameran dan Sesi Ceramah di luar daerah.

Atur cara majlis

Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 akan berlangsung pada Khamis, 25 September 2025 Masihi bersamaan dengan 3 Rabiulakhir 1447 Hijrah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Antara acara utama perasmian adalah Ceramah Khas yang akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 akan berlangsung pada Sabtu, 27 September 2025M bersamaan dengan 5 Rabiulakhir 1447H. Sesi forum ini akan menampilkan ahli-ahli panel yang terpilih.

Manakala, Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025 akan berlangsung pada Selasa, 30 September 2025M bersamaan dengan 8 Rabiulakhir 1447H. Majlis ini akan mengetengahkan ceramah yang berkait rapat dengan tema sambutan pada tahun ini.

Acara Seminar Majlis Ilmu 2025 akan diadakan pada Isnin, 20 Oktober 2025M bersamaan dengan 28 Rabiulakhir 1447H dan acara ini akan menghimpunkan para pakar dalam bidang masing-masing, sama ada dari dalam mahupun luar negara sementara program ceramah pula akan diadakan di keempat-empat daerah.

Selain itu, Pameran Majlis Ilmu akan

dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pada Khamis hingga Rabu, 25 September hingga 1 Oktober 2025M. Pameran ini akan menampilkan bahan interaktif dan ilmiah bagi memudahkan masyarakat memahami tema majlis dengan lebih mendalam.

Majlis Ilmu 2025 pada tahun ini dianjurkan dengan kerjasama pelbagai kementerian iaitu Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pembangunan dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tema Majlis Ilmu 2025

Setiap tahun, Sambutan Majlis Ilmu mengetengahkan tema tertentu sebagai panduan masyarakat dalam meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pengamalan ilmu. Bagi tahun 2025, Majlis Ilmu membawa tema 'Negara Ditanai dengan Sedekah'.

Perkataan tanai bermaksud tatang atau tating. Menurut Kamus Dewan perkataan menani bermaksud menatang atau menating. Manakala perkataan ditatang seumpama minyak yang penuh membawa maksud sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurna. Ungkapan 'Negara ditanai atau ditatang' membawa maksud 'Negara sangat dikasihi dan dipelihara'.

Tema ini membawa makna mendalam mengenai kepentingan menjaga, memelihara serta mengasihi negara seperti menatang minyak yang penuh. Ia menekankan bahawa amalan bersedekah bukan sahaja memberi manfaat dari segi kerohanian dan psikologi malah memainkan peranan besar dalam menjaga keselamatan sosial, mengikis sifat bakhil serta menanam budaya kasih sayang dan sikap prihatin dalam kalangan masyarakat.

Objektif sambutan

Antara objektif sambutan pada tahun ini antara lain untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat mengenai kelebihan dan kebaikan amalan bersedekah dan bersifat pemurah, menimbulkan kesedaran orang ramai akan tanggungjawab sosial terhadap golongan yang susah dan menanamkan sifat bersedia menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan, menanamkan sikap prihatin dan mewujudkan masyarakat yang penyayang serta memupuk perasaan bertimbang rasa agar mereka sentiasa bersedia memberikan bantuan sewajarnya kepada anggota masyarakat yang perlu kepada bantuan dan pertolongan serta mengenal pasti cara dan kaedah terbaik untuk orang ramai menyalurkan sedekah dan sumbangan.

Majlis Ilmu mengangkat martabat negara

Majlis Ilmu 2025 bukan sahaja wadah berharga dalam menyemarakkan budaya ilmu di NBD malah turut mengangkat martabat negara sebagai pusat perkembangan intelektual dan kerohanian di rantau ini. Dengan tema 'Negara Ditanai dengan Sedekah', majlis ini diharap dapat memupuk amalan mulia bersedekah yang memberi kesan positif terhadap pembangunan insan dan kesejahteraan masyarakat.

Melalui pengisian yang disediakan, Majlis Ilmu diyakini mampu menanam nilai murni, mengukuhkan ukhuwah serta memperteguh rasa cinta terhadap agama, raja dan negara. Justeru, diharapkan sambutan ini akan terus menjadi pemangkin kepada lahirnya generasi berilmu, berakhlak dan penyayang yang berupaya menyumbang kepada kemajuan negara Zikir yang sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.



UNISSA SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULUD NABI



PENOLONG Rektor (Antarabangsa, Penyelidikan dan Perkhidmatan), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Arman bin Haji Asmad hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (Unit Keagamaan dan Takmir Surau) baru-baru ini mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Rektor (Antarabangsa, Penyelidikan dan Perkhidmatan) UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad.

Juga hadir ialah penolong - penolong rektor, pegawai-pegawai utama, para tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman, Exco Unit Keagamaan dan Takmir Surau, Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA.

Sambutan tersebut diserikan dengan penyampaian Tazkirah Khas yang bertema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' yang



TETAMU kehormat semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.

disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Manuskrip Islam, Profesor Madya Dr. Adel M. Abdulaziz Algeriani.

Majlis kemudian disemarakkan dengan Pertandingan Syarahan yang disertai oleh seramai tujuh orang pelajar dari fakulti yang berlainan.

Johan pertandingan diraih oleh Muhammad Wafiq bin Kifli, pelajar Tahun 2 dari Fakulti Undang - Undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah, manakala naib johan ialah Siti Nur Izzah Aqilah binti Baharin, pelajar Tahun 2 dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dan mendapat tempat ketiga

ialah Saidatul Ameera binti Abdul Rahman, pelajar Tahun 2 dari Fakulti Teknologi Islam.

Antara lain, tujuan majlis ini diadakan adalah bagi menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memupuk semangat perpaduan dan rasa cinta dalam kalangan warga UNISSA terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Penyampaian cenderahati kepada para juri dan hadiah serta sijil kepada para peserta pertandingan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



MINDA PEMBACA

Peranan guru dalam membangunkan modal insan berkualiti

GURU memainkan peranan besar dalam membangunkan modal insan berkualiti. Mereka bukan sahaja ditugaskan untuk menyampaikan ilmu, malah menjadi contoh teladan kepada murid.

Seorang guru yang berkualiti mampu menunjukkan sikap dan akhlak yang mulia agar murid dapat mencontohi nilai berkenaan dalam kehidupan seharian. Guru juga memainkan peranan besar dalam membimbing murid untuk membuat keputusan yang bijak.

Guru yang berkualiti dalam pengajaran akademik serta bimbingan yang baik akan mampu melahirkan generasi yang berwawasan. Lebih daripada sekadar mengajar isi buku,

guru harus mendidik murid tentang nilai hidup, tanggungjawab dan adab. Ilmu yang disampaikan perlu merangkumi pencapaian akademik dan juga pembinaan akhlak.

Dalam hal ini, sikap adil dan kesabaran guru amat diperlukan. Guru tidak seharusnya bersikap pilih kasih atau mengasingkan murid kerana setiap murid mempunyai potensi tersendiri.

Selain itu, guru juga memainkan peranan besar dalam memberi sokongan emosi. Dalam zaman kita yang penuh tekanan, murid perlukan tempat selamat untuk meluahkan perasaan. Guru yang memahami akan jadi pendengar setia, memberikan semangat, membimbing dan nasihat

tanpa menghukum.

Keyakinan diri yang terbina daripada sokongan guru berkenaan adalah kunci untuk melahirkan generasi berani mencuba, yakin pada diri sendiri dan bersedia menghadapi apa juga cabaran hidup.

Kerjaya guru adalah tugas yang mulia dan tidak wajar dipandang ringan. Tanggungjawab mereka amat besar kepada masyarakat, iaitu dapat membentuk insan yang berilmu serta berakhlak mulia.

Justeru, guru perlu sentiasa mengutamakan nilai falsafah Melayu Islam Beraja dalam pendidikan agar generasi akan datang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah kukuh pegangan agama dan budaya.

Kesimpulannya, guru ialah tiang utama dalam membina modal insan berkualiti. Dengan keikhlasan, kesabaran dan keadilan, guru mampu melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak, serta seimbang dalam semua aspek kehidupan.

Oleh itu, guru berkualiti menjadi tulang belakang untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035, iaitu Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Nama : Muhammad Syukree bin Haji Mohd Efendy
No. K/P : 01-098XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Akhlak Rasulullah : Cermin Diri Seorang Mukmin'. Tarikh Tutup : 24 September 2025
2. 'Menjaga Hutan, Menyelamatkan Masa Depan'. Tarikh Tutup : 1 Oktober 2025
3. 'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

GUANGDONG CHINA SELATAN MENINGKATKAN RESPONS KECEMASAN KE TAHAP TERTINGGI



GUANGZHOU, 23 Sept. - Wilayah Guangdong, di selatan Republik Rakyat China menaikkan tindak balas kecemasan angin ke paras tertinggi pada 10 pagi Selasa, ketika Taufan Ragasa diramalkan akan mendarat di sepanjang kawasan pantai tengah atau barat wilayah itu sebagai taufan kuat atau super kuat dalam tempoh 24 jam.

Taufan Ragasa memasuki Laut China Selatan lewat Isnin dan diramalkan bergerak ke barat laut pada kelajuan kira-kira 20 kilometer (km) sejam. Ia dijangka mendarat di kawasan pantai dari Bandar Zhuhai ke Daerah Xuwen pada hari Rabu,

membawa angin 40 hingga 55 meter sesaat, menurut pemerhatian meteorologi wilayah.

Taufan itu dijangka membawa ribut hujan dan angin kencang, dengan beberapa kawasan menghadapi hujan yang melampau, manakala kawasan yang berada di laluan tengahnya boleh mengalami tiupan sehingga 60 meter sesaat.

Ibu pejabat kawalan banjir, kemarau dan angin wilayah telah menggesa semua lokaliti dan jabatan untuk bertindak dengan piawaian tertinggi, keperluan paling ketat dan langkah paling konkrit,

dan telah mengarahkan kawasan utama terjejas untuk menangguhkan kelas, kerja, pengeluaran, pengangkutan awam

dan operasi perniagaan.
- ©XINHUA

SEORANG kakitangan memotong pokok sekiranya berlaku bahaya di Shenzhen, selatan China, 22 Sept. 2025. Shenzhen telah mengaktifkan respons kecemasan dan mengambil pelbagai langkah untuk memerangi Taufan Ragasa.



Republik Turkiye tahan 170 suspek dalam operasi besar-besaran cegah jenayah siber, penipuan

ANKARA, 23 Sept. — Republik Turkiye menahan 170 suspek dalam operasi besar-besaran membanteras jenayah siber dan penipuan di 18 wilayah sepanjang lima hari lepas, kata Menteri Dalam Negeri Ali Yerlikaya pada Isnin.

Beliau berkata suspek terbabit dalam pelbagai skim jenayah siber dan penipuan termasuk memiliki imej lucah kanak-kanak, menipu orang ramai melalui iklan palsu sewaan banglo, penggunaan

akaun tanpa kebenaran, skim pelaburan palsu serta penjualan perabot secara tipu daya.

Ada juga yang dituduh menjalankan operasi pertaruhan haram atau memudahkan transaksi kewangan berkaitan rangkaian itu, selain mengakses akaun perbankan mudah alih secara haram untuk memperoleh keuntungan, katanya di platform media sosial X.

Daripada jumlah suspek yang ditahan di seluruh negara, 55 telah ditahan secara rasmi dan 34 lagi diletakkan di bawah

pengawasan kehakiman, manakala kes lain masih dalam siasatan.

Beliau berkata pihak berkuasa turut menyitalima syarikat, tujuh kediaman dan 10 kenderaan - yang dipercayai hasil jenayah - dengan nilai sekitar 341 juta lira Turkiye (US\$8.24 juta).

Yerlikaya berkata siasatan telah dilancarkan terhadap suspek yang ditahan dalam operasi di Adana, Antalya, Diyarbakir, Erzurum, Gaziantep, Istanbul, Izmir dan beberapa wilayah lain. - ©BERNAMA

Trump namakan gergasi teknologi, media dalam rancangan pengambilalihan TikTok AS

ISTANBUL, 22 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Ahad berkata tokoh terkemuka teknologi dan media akan menyertai sebuah konsortium yang bakal mengambil alih operasi TikTok di negara itu, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik Fox News.

Trump berkata mereka yang terlibat termasuk pengasas Oracle Larry Ellison, Ketua Pegawai Eksekutif Dell Technologies Michael Dell serta eksekutif Fox Corp Rupert dan Lachlan Murdoch.

"Anda tahu, mereka adalah

tokoh yang sangat terkenal. Dan Larry Ellison adalah seorang daripada mereka. Beliau terlibat.

"Beliau seorang yang hebat. Michael Dell terlibat. Seorang bernama Lachlan turut terlibat," kata Trump dalam program Sunday Briefing di Fox News, sambil menambah bahawa Rupert Murdoch "mungkin akan menyertai kumpulan itu."

Rancangan itu susulan undang-undang pada April 2024 yang menghendaki syarikat induk TikTok dari China, ByteDance, menjual kira-kira 80 peratus asetnya di AS kepada pelabur

Amerika atau berdepan larangan di seluruh negara.

Setiausaha Akhbar Rumah Putih Karoline Leavitt memberitahu Fox News bahawa Oracle akan menyelia data dan privasi AS dengan sebuah lembaga pengarah tujuh anggota, "enam daripadanya adalah rakyat Amerika."

Trump juga berkata beliau telah mengadakan "perbualan telefon yang sangat produktif" dengan Presiden China Xi Jinping pada Jumaat, menandakan kemajuan ke arah memuktamadkan perjanjian itu. - ©BERNAMA

Korea Selatan, Malaysia bina perkongsian pertahanan berasaskan saling percaya

KUALA LUMPUR, 22 Sept. - Korea Selatan dan Malaysia berjaya menginstitusikan kerjasama pertahanan berdasarkan sikap saling percaya, dengan Kecerdasan Buatan (AI) muncul sebagai pemacu baharu kerjasama, kata Duta Besar Korea Selatan ke Malaysia Yeo Seung-bae.

Dalam satu kenyataan oleh Kedutaan Korea Selatan di Malaysia, Yeo yang berucap pada Hari Industri Pertahanan Korea-Malaysia Ketiga pada Isnin, berkata menjelang pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pertahanan Korea-Malaysia, kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara telah berjaya diinstitusikan berdasarkan sikap saling percaya.

Beliau berkata industri pertahanan Korea Selatan mempunyai keupayaan termaju, khususnya dalam teknologi berpacuan AI, yang boleh menyumbang kepada kerjasama berorientasikan masa depan

antara kedua-dua negara.

Mengetengahkan tema seminar tahun ini, Yeo menekankan kepentingan kerjasama pertahanan berpacuan AI dan peranan teknologi terkini dalam membentuk keselamatan masa depan.

Duta itu juga menekankan keperluan mewujudkan rangkaian yang lebih kukuh antara syarikat pertahanan Korea dan Malaysia bagi menggalakkan pelaburan tempatan, pemindahan teknologi, serta persefahaman bersama yang lebih mendalam, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan industri pertahanan Malaysia.

Acara sehari ituyang dihadiri kira-kira 150 peserta termasuk pegawai, ahli akademik dan wakil industri pertahanan dari kedua-dua negara, menampilkan pembentangan mengenai dasar AI, serta perbincangan mengenai penggunaan AI dalam bidang pertahanan dan bidang-bidang kerjasama yang berpotensi pada masa hadapan.

Wakil-wakil daripada syarikat pertahanan utama Korea Selatan, termasuk KAI, LIG Nex1, Hyundai Heavy Industries, Hanwha Aerospace, Hanwha Ocean, Hanwha Systems dan Nearthlab turut mempamerkan keupayaan mereka yang dipertingkatkan oleh AI dan mengesahkan semula minat untuk mengukuhkan kerjasama dengan Malaysia.

Kedutaan itu berkata lebih 20 syarikat pertahanan Malaysia turut menyertai acara berkenaan sekali gus mewujudkan peluang pertukaran bermakna dengan pegawai kerajaan dan sektor swasta Korea.

Menurut kedutaan itu, Hari Industri Pertahanan Korea-Malaysia diadakan berlatarbelakangkan kerjasama pertahanan dua hala yang semakin berkembang, susulan kejayaan projek-projek seperti perjanjian eksport FA-50 pada 2023 dan eksport sistem peluru berpandu Haegung pada 2024. - ©BERNAMA

Paracetamol selamat digunakan ketika hamil, tolak dakwaan risiko autisme - Pihak berkuasa Australia

CANBERRA, 23 Sept. - Pihak berkuasa Australia pada Selasa menyatakan bahawa paracetamol kekal selamat digunakan semasa kehamilan, menolak dakwaan terbaru dari Amerika Syarikat (AS) yang mengaitkan ubat tahan sakit itu dengan peningkatan risiko autisme, lapor Xinhua memetik siaran Australian Broadcasting Corporation (ABC).

Pentadbiran Barangan Terapi (TGA), iaitu pihak berkuasa kawal selia ubat-ubatan dan produk terapeutik Australia dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa pihaknya tidak menjalankan sebarang siasatan keselamatan aktif mengenai paracetamol dan autisme, atau paracetamol serta gangguan perkembangan saraf secara lebih meluas.

TGA berkata paracetamol diklasifikasikan sebagai Kategori 'A' untuk Kehamilan di Australia, bermakna ia dianggap selamat digunakan ketika hamil.

"Penggunaan ubat-ubatan semasa kehamilan tertakluk kepada penilaian klinikal, saintifik dan toksikologi ketika pendaftaran ubat dibuat di Australia," kata TGA.

Presiden AS Donald Trump pada Isnin mendakwa bahawa paracetamol, yang juga dikenali sebagai acetaminophen dan biasanya dijual dengan jenama Tylenol di AS, meningkatkan risiko autisme dalam kalangan bayi apabila digunakan oleh wanita hamil.

Mengulas dakwaan itu, Persatuan Perubatan Australia (AMA) menasihati rakyat Australia supaya mendapatkan nasihat perubatan daripada doktor dan pegawai kesihatan.

"Sudah tentu, seperti semua ubat-ubatan, kita cuba menggunakannya seminumum mungkin ketika hamil, tetapi bagi kesakitan dan demam semasa kehamilan, nasihat di Australia masih menyatakan bahawa paracetamol adalah pilihan yang munasabah dan selamat untuk digunakan oleh wanita hamil," kata Presiden AMA Danielle McMullen seperti dipetik ABC. - ©BERNAMA

Liga Arab sambut baik pengiktirafan Palestin oleh Britain, Kanada dan Australia

KAHERAH, 22 Sept. - Setiausaha Agung Liga Arab Ahmed Aboul-Gheit pada Ahad menyambut baik pengiktirafan terhadap negara Palestin yang merdeka oleh Britain, Kanada dan Australia, lapor Xinhua.

Dalam satu hantaran di akaun X beliau, Aboul-Gheit berkata pengiktirafan itu "membetulkan kesilapan sejarah yang berlarutan selama bertahun-tahun".

Beliau menambah langkah itu juga selaras dengan desakan rakyat di negara-negara berkenaan untuk menyokong hak rakyat Palestin bagi kemerdekaan dan kehidupan yang bermaruah.

"Kami menjangkakan lebih banyak pengiktirafan berimpak besar di peringkat antarabangsa tidak lama lagi," katanya.

Terdahulu pada Ahad, Perdana Menteri Britain Keir Starmer dalam kenyataan video berkata Britain "secara rasmi mengiktiraf Negara Palestin," sambil menggesa agar kembali kepada penyelesaian dua negara.

Kenyataan bersama oleh Perdana Menteri Australia Anthony Albanese dan Menteri Luar Penny Wong pula menyebut: "Australia mengiktiraf aspirasi yang sah dan telah lama dipegang oleh rakyat Palestin untuk memiliki negara mereka sendiri".

Perdana Menteri Kanada Mark Carney turut mengeluarkan kenyataan pada Ahad yang mengesahkan pengiktirafan Kanada terhadap Negara Palestin. - ©BERNAMA



KONTINJEN NEGARA BERLEPAS KE KUCHING, SARAWAK



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa memberikan kata-kata semangat kepada kontinjen Negara Brunei Darussalam sebelum berlepas menyertai Sukan Borneo Ke-6 2025 dan seterusnya sesi bergambar ramai (kanan dan kiri).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

RIMBA, Isnin, 22 September. - Sukan Borneo Ke-6 2025 yang dijadual berlangsung di Kuching, Sarawak akan bermula pada 24 hingga 28 September 2025.

Seramai 36 orang ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada 25 orang atlet, lima orang jurulatih dan enam orang pegawai termasuk Chef de

Mission, ketua urus setia, pegawai urus setia, pegawai perhubungan dan kakitangan perubatan berlepas ke Kuching, Sarawak pagi tadi bagi menyertai kejohanan tersebut dengan menaiki pesawat C295 MW Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Berada di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba bagi

mengucapkan selamat belayar dan memberikan ucapan serta kata-kata semangat ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Encik Abdul Munir Lutfi Said; Timbalan Pemerintah TUDB, Kolonel (U) Hismawadi

bin Haji Mohd. Said; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pegawai-pegawai Kanan KKBS; Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan serta para ibu bapa dan penjaga.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Penganalisa di Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad Yaardy bin Haji Abdul Karim, diikuti dengan ucapan tetamu

kehormat kepada Kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Kontinjen NBD diketuai oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku Chef de Mission.

Pada edisi Sukan Borneo kali ini, NBD akan menyertai sebanyak lima daripada lapan acara sukan yang dipertandingkan iaitu akuatik (renang), badminton, olahraga, boling padang dan tarik tali.

Kelayakan Piala Asia AFC : Brunei menentang Yaman, 9 Oktober ini

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bolasepak Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 September. - Pasukan Bolasepak Kebangsaan Brunei Darussalam (FABD) akan berdepan Yaman pada 9 Oktober 2025 dalam saingan Kelayakan Piala Asia AFC.

Brunei membawa semangat positif selepas kemenangan ke atas Bhutan

baru-baru ini dan kini bersedia menghadapi cabaran seterusnya menentang pasukan berpengalaman, Yaman.

Selepas perlawanan ini, Brunei akan meneruskan kempen kelayakan menentang Lubnan pada 18 November 2025.

FABD menyeru penyokong untuk terus

memberikan sokongan kepada skuad negara, dengan maklumat lanjut mengenai tiket dan siaran perlawanan boleh diikuti melalui saluran rasmi FABD.

AKSI para pemain pada saingan Kelayakan Piala Asia AFC.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GURU PEMANGKIN PENDIDIKAN LESTARI DAN INOVASI